

Telegram: "CHIEFMIN KOTA KINABALU"

BIL. CMI/XXXXX JPAN: 700-2/104/39 PT.3/19

Tolong sebutkan rujukan fail kami
dalam jawapan surat ini
(Please quote our file reference
in your reply to this letter)



JABATAN KETUA MENTERI
(CHIEF MINISTER'S DEPARTMENT)
Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 4/2012

PEMBEKALAN ALAT-ALAT PERUBATAN DAN KEMUDAHAN PERUBATAN BAGI PEGAWAI DAN PESARA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan kerajaan berkaitan pembekalan alat-alat perubatan dan kemudahan perubatan kepada pegawai dan pesara Perkhidmatan Awam Negeri yang menerima pencen serta ahli keluarga mereka yang berkecukupan.

LATAR BELAKANG

2. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah Tahun 2008 Bahagian VII, (PPPANS 2008) menetapkan bahawa pegawai dan pesara Perkhidmatan Awam Negeri yang menerima pencen serta ahli keluarga mereka yang berkecukupan adalah layak diberi kemudahan perubatan percuma di hospital/ klinik kerajaan. Kerajaan juga bersetuju supaya beberapa kemudahan rawatan perubatan tertentu yang diperuntukkan kepada pegawai dan ahli keluarga yang berkecukupan dipanjangkan kepada ibu bapa yang sah (*legal parents*).

3. Selaras dengan hasrat untuk mempertingkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan, kerajaan bersetuju supaya pembekalan alat-alat perubatan dan kemudahan perubatan sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah Tahun 2008 Bahagian VII (PPPANS 2008) ditambah baik.

PELAKSANAAN

4. Alat-alat perubatan dan kemudahan perubatan yang dibekalkan kepada pegawai dan pesara Perkhidmatan Awam Negeri yang menerima pencen serta ahli keluarga mereka yang berkelayakan adalah seperti berikut:

- (i) Kerusi Roda;
- (ii) Alat Bantuan Pendengaran;
- (iii) Alat Rawatan Jantung;
- (iv) Alat Bantuan Pernafasan;
- (v) Koklea Implan;
- (vi) *Colostomy Bag*;
- (vii) *Urine Bag*;
- (viii) *Intraocular Lens*; dan
- (ix) Semua ubat-ubatan yang tidak dibekalkan oleh pihak hospital kerajaan terutama ubat kanser.

5. Kemudahan rawatan hemodialisis dipanjangkan kepada ibu bapa yang sah bagi pegawai yang masih berkhidmat.

TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PEMAKAIAN

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, pekelling ini dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



(SUKARTI BINI WAKIMAN)
Setiausaha Kerajaan Negeri
Jabatan Ketua Menteri
KOTA KINABALU

Tarikh: *4 Jun 2012*

s.k. Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
Wisma Kewangan
88593 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri
88595 KOTA KINABALU

Pengarah Audit
Jabatan Audit
88990 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada: **Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri**
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil